



MAHADI (dua dari kanan) bersama Pengarah Jabatan Kewangan DBKL, Mohamad Hamim menunjukkan buku Belanjawan DBKL 2023 ketika sidang media Belanjawan DBKL 2023 di Menara DBKL, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM



BELANJAWAN DBKL 2023

05-01-2023 HM m/s 20

Peruntukan **RM2.6b**

Oleh Hafidzul Hilmi

Mohd Noor

hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan RM2.604 bilion pada pembentangan Belanjawan 2023, semalam.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, daripada jumlah itu, RM1.96 bilion atau 75.3 peratus diperuntukkan untuk mengurus.

Peruntukan pembangunan pula berjumlah RM643.7 juta atau 24.7 peratus.

"Secara keseluruhan, ia penurunan 3.7 peratus berbanding Belanjawan 2022 yang memperuntukkan

RM2.704 bilion.

"Bagi peruntukan mengurus, DBKL menumpukan lima komponen utama iaitu perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM1.277 bilion atau 65.2 peratus; bayaran lebih masa berjumlah RM64.6 juta atau 3.3 peratus; gaji, upahan dan manfaat pekerja berjumlah RM497.7 juta atau 25.4 peratus; pemberian dan kenaaan bayaran tetap berjumlah RM99.2 juta atau 5.0 peratus dan perbelanjaan lain RM21.7 juta atau 1.1 peratus.

"Manakala bagi peruntukan pembangunan pula, ia terdiri daripada dua bahagian iaitu pembiayaan DBKL berjumlah RM540.7 juta atau 84.0 peratus manakala baki merupakan pembiayaan kerajaan dan lain-lain

sebanyak RM103.0 juta atau 16.0 peratus," katanya pada sidang media pembentangan Belanjawan 2023 di Menara DBKL di sini.

Menurutnya, secara umumnya, anggaran hasil DBKL dijangka akan menurun 9.4 peratus daripada RM2.298 bilion pada 2022 kepada RM2.082 bilion pada 2023.

"Antara yang menyumbang kepada penurunan ini termasuk hasil kawalan binaan dan perancangan yang dijangka akan menurun RM209.2 juta atau 48.3 peratus kepada RM224.3 juta pada 2023 berbanding RM433.5 juta pada 2022.

"Sebaliknya, hasil utama DBKL yang terdiri daripada hasil cukai taksiran berjumlah RM1.370 bilion atau

65.8 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil, dijangka akan meningkat RM10 juta atau 0.7 peratus berbanding 2022," katanya.

Mahadi berkata, selari dengan usaha DBKL untuk mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Kuala Lumpur, Belanjawan DBKL 2023 bertemakan 'Bandar Raya Mampan, Sejahtera Bersama'.

"Tema ini mencerminkan komitmen DBKL terhadap pemerkasaan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang mampan dan inklusif.

"Melalui peruntukan ini, kami akan mengandakan usaha untuk mencapai objektif ini, demi kesejahteraan warga kota," katanya.